



# **PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI PERMOHONAN PENGAMBILAN TANAH UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SELAIN MAKSUM AWAM DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 [AKTA 486]: TINDAKAN SUSULAN OLEH PEMOHON**







# **PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI PERMOHONAN PENGAMBILAN TANAH UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SELAIN MAKSUM AWAM DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 [AKTA 486]: TINDAKAN SUSULAN OLEH PEMOHON**

**CETAKAN 2021**



# ISI KANDUNGAN

<b>Perutusan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan</b>	i
<b>Tujuan</b>	1
<b>Takrifan</b>	1
<b>Peringkat Pengambilan Tanah</b>	1
<b>Pra Pengambilan Tanah</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Permohonan</li> <li>▪ Pertimbangan Pentadbir Tanah</li> <li>▪ Pertimbangan dan Penelitian Oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri atau Jawatankuasa Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</li> <li>▪ Laporan Penuh Perundingan</li> <li>▪ Keputusan Pihak Berkuasa Negeri</li> <li>▪ Penarikan balik Permohonan Pengambilan Tanah</li> </ul>	2-6
<b>Semasa Pengambilan Tanah</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penandaan Kawasan Pengambilan</li> <li>▪ Siasatan Pengambilan Tanah</li> <li>▪ Pembayaran Pampasan</li> <li>▪ Penarikan Balik Pengambilan Tanah di Bawah Seksyen 3(1)(b) dan (c) : Selepas Penyiaran Pemberitahuan di Bawah Seksyen 8</li> <li>▪ Rujukan ke Mahkamah</li> <li>▪ Mengambil Milik Tanah Secara Rasmi</li> </ul>	7-10
<b>Pasca Pengambilan Tanah</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Permohonan Pemberimilikan</li> <li>▪ Permintaan Ukur</li> <li>▪ Pelarasian di bawah Seksyen 28</li> </ul>	10-11
<b>Penutup</b>	11

<b>Lampiran</b>		
Lampiran I	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jumlah Salinan Pelan Pengambilan Tanah Mengikut Negeri</li> </ul>	
Lampiran II	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perincian Peruntukan Dalam Menentukan Kos Pengambilan Tanah</li> </ul>	
Lampiran III	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lampiran III Senarai Borang-Borang Pengambilan Tanah Di Bawah Seksyen 3(1) (b) dan (c) Akta 486</li> </ul>	12-46
Lampiran IV	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Fi</li> </ul>	
Lampiran V	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lampiran V Carta Alir Proses Pengambilan Tanah Untuk Projek Persekutuan Di Bawah Seksyen 3(1) (b) Dan (c) Akta Pengambilan Tanah 1960</li> </ul>	

# *Perutusan*

**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
PERSEKUTUAN**




Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dapat menerbitkan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi permohonan pengambilan tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi dan selain maksud awam di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]. SOP ini diharapkan dapat menjadi satu panduan dan rujukan kepada Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Perbadanan Negeri, Orang Perseorangan, dan Perbadanan atau Badan Korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dalam melaksanakan permohonan pengambilan tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi dan selain maksud awam di bawah Akta 486.

Sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga JKPTG dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri-negeri yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas inisiatif, komitmen dan kerjasama erat dalam penyediaan SOP yang sangat relevan dan bertepatan dengan situasi pada masa kini. Harapan saya agar usaha ini dapat memberi manfaat yang sewajarnya kepada semua pihak bagi membantu, memantapkan dan memudahkanca dalam urusan pengambilan tanah selaras dengan matlamat agenda pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

  
**YBHG. DATO HAJI AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bahagian Pengambilan Tanah





# **PENGAMBILAN TANAH UNTUK TUJUAN PEMBANGUNAN EKONOMI**

## **1. TUJUAN**

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini dikeluarkan bagi:

- (a) menasihatkan Pemohon mengenai fungsi dan tanggungjawab Pemohon dalam urusan pengambilan tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi dan selain maksud awam di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]; dan
- (b) memberi kefahaman yang lebih jelas mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam **Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017 [P.U.(A)372/2017]**.

## **2. TAKRIFAN**

Dalam konteks pemakaian SOP ini, terma “Pemohon” hendaklah ditafsirkan terdiri daripada orang yang berikut:

- (a). Agensi Kerajaan;
- (b). Badan Berkanun yang ditubuhkan menurut undang-undang Persekutuan;
- (c). Perbadanan Negeri yang ditubuhkan menurut undang-undang Negeri;
- (d). Orang Perseorangan;
- (e). Perbadanan atau Badan Korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; atau
- (f). Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502].

## **3. PERINGKAT PENGAMBILAN TANAH**

Pengambilan di bawah seksyen 3 (1) (b) dan (c) melibatkan tiga (3) peringkat iaitu pra pengambilan tanah, semasa pengambilan tanah dan pasca pengambilan tanah.

## PRA PENGAMBILAN TANAH

### A. Permohonan

1. Permohonan pra pengambilan tanah di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta 486 dilaksanakan melalui:
  - (a). Permohonan hendaklah menggunakan **Borang 1 Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017** dan dihantar kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD)/Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTG WPKL) dengan disertakan:
    - (i). Kertas cadangan projek;
    - (ii). Pelan susun atur dan pelan pengambilan tanah (jumlah pelan adalah seperti di **Lampiran I**);
    - (iii). Laporan awal penilaian tanah oleh Penilai;
    - (iv). Fi dan deposit seperti ditentukan dalam Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017; dan
    - (vi). Kebenaran Merancang (mengikut keperluan negeri).

*[Nota: Pihak Berkuasa Negeri boleh memberi pengecualian sebahagian atau sepenuhnya daripada membayar apa-apa fi kepada mana-mana Perbadanan Persekutuan atau Negeri yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang bertulis dan jika pengambilan itu bagi maksud kemudahan awam. Pemohon boleh mengemukakan permohonan pengecualian tersebut melalui Pentadbir Tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri].*

- (b). Pemohon perlu membayar **deposit sebanyak satu ratus dua puluh lima peratus (125%)** daripada anggaran harga pasaran tanah yang akan diambil. Deposit perlu dibayar dalam bentuk *bank draft* seperti berikut:
  - (i). Lima puluh peratus (50%) dikemukakan bersama-sama dengan permohonan (kadar lima puluh peratus (50%) daripada nilai asal Penilai); dan,
  - (ii). Baki tujuh puluh lima peratus (75%) dikemukakan apabila Pemohon bersetuju menerima terma-terma dan syarat-syarat kelulusan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa

Negeri (PBN) setelah menerima **Borang 2 (Notis Untuk Menghendaki Deposit Tambahan)** seperti mana yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017.

- (c). Selain kos untuk harga pasaran tanah yang akan diambil, Pemohon perlu mengambil kira kos-kos lain pengambilan tanah seperti dinyatakan di **Lampiran II**.

**B. Pertimbangan Pentadbir Tanah**

2. Pentadbir Tanah sekiranya berpuas hati, akan menyerahkan permohonan tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)/Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah Wilayah Persekutuan (JKPT WP).
3. Pentadbir Tanah boleh menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap. Pentadbir Tanah juga boleh menolak mana-mana permohonan sekiranya tanah yang dimohon telah diberikan kelulusan pembangunan kepada pemilik tanah berdaftar dan tujuan permohonan pengambilan bukan bagi maksud kemudahan awam.

**C. Pertimbangan dan Penelitian Oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Jawatankuasa bagi Wilayah Persekutuan**

4. UPEN/JKPT WP setelah menerima permohonan akan menimbangkan permohonan tersebut daripada aspek berikut:
- (a). kepentingan awam;
  - (b). kapasiti dan keupayaan permohonan untuk melaksanakan maksud tanah itu diambil;
  - (c). kebolehlaksanaan projek; dan,
  - (d). kelulusan pembangunan yang diberikan kepada pemilik berdaftar.
5. Sekiranya terdapat kelulusan pembangunan yang telah diberikan dan tujuan pengambilan adalah bagi kemudahan awam, UPEN/JKPT WP akan menentukan sama ada sesuai bagi pemilik tanah berdaftar mengambil bahagian dalam projek berkenaan. UPEN/JKPT WP akan mengarahkan Pemohon supaya berunding dengan pemilik tanah berdaftar dengan menggunakan **Borang 3 Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017** mengenai aspek-aspek berikut:

- (a). terma-terma dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai; dan,
- (b). bentuk kerjasama dan urusan komersial mengenai projek, tetapi tidak terhad kepada penglibatan ekuiti.

#### D. Laporan Penuh Perundingan

- 6. Pemohon hendaklah mengemukakan satu laporan lengkap mengenai keputusan perundingan dengan pemilik tanah berdaftar kepada UPEN/JKPT WP dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti dinyatakan dalam Borang 3. Ini bertujuan membolehkan UPEN/JKPT WP menentukan bentuk dan had penyertaan pemilik tanah berdaftar dalam projek berkenaan.
- 7. Jika perundingan berjaya, UPEN/JKPT WP akan memberhentikan urusan pengambilan tanah dan Pentadbir Tanah hendaklah memulangkan kembali deposit yang telah dibayar tanpa faedah, **dalam tempoh tiga (3) bulan** dari tarikh permohonan pengembalian deposit oleh Pemohon.
- 8. Jika perundingan telah gagal atau tidak mencapai sebarang keputusan dalam tempoh yang ditetapkan, UPEN/JKPT WP boleh menimbangkan permohonan dan membuat perakuan yang difikirkan sesuai. UPEN/JKPT WP selanjutnya akan mengemukakan permohonan dengan dokumen-dokumen berkenaan bersama-sama perakuan kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah, atau kepada Jawatankuasa Kerja Tanah (JKT) WP melalui **Borang 4 Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017**.
- 9. Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah hendaklah menilai kesesuaian Pemohon itu dan hendaklah tidak lewat daripada **dua (2) bulan** mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri bersama-sama dengan apa-apa syor yang difikirkanya patut.

#### E. Keputusan Pihak Berkuasa Negeri

- 10. PBN boleh meluluskan atau menolak permohonan pengambilan yang dicadangkan. Jika PBN/JKT WP meluluskan permohonan pengambilan tanah, PBN/JKT WP hendaklah memaklumkan kepada Pentadbir Tanah mengenai kelulusan tersebut, terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan. Pentadbir Tanah seterusnya akan memaklumkan kepada Pemohon serta merta dengan menggunakan **Borang 5 Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017**.



11. Setelah menerima Borang 5, Pemohon hendaklah memberi jawapan kepada Pentadbir Tanah dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** untuk mengesahkan penerimaannya ke atas terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan **membayar baki tujuh puluh lima peratus (75%) deposit**. Jika Pemohon gagal berbuat demikian, Pemohon dianggap telah menarik balik permohonannya.
12. Permohonan seterusnya akan diwartakan di bawah seksyen 4 dan disusuli seksyen 8 Akta 486 selepas **bayaran baki tujuh puluh lima peratus (75%) deposit** diterima oleh Pentadbir Tanah.
13. Jika PBN menolak permohonan pengambilan tanah, PBN hendaklah memaklumkan Pentadbir Tanah tentang penolakan. Pentadbir Tanah seterusnya akan memaklumkan Pemohon tentang penolakan tersebut melalui **Borang 6 Kaedah Kaedah P.U.(A)372/2017** dalam **tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh penerimaan penolakan, dan Pentadbir Tanah akan membayar balik deposit yang telah dibayar tanpa pembayaran apa-apa faedah kepada Pemohon dalam tempoh masa **tiga (3) bulan**.

#### **F. Penarikan Balik Permohonan Pengambilan Tanah**

14. Pemohon boleh menarik balik permohonan bagi pengambilan mana-mana tanah, sepenuhnya atau sebahagiannya, di bawah subseksyen 3F(1) Akta 486 dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada Pentadbir Tanah.
15. Permohonan pengambilan mana-mana tanah disifatkan sebagai ditarik balik, jika:
  - (a). pemohon gagal untuk mengemukakan laporan penuh perundingan kepada UPEN/JKPT WP dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam **Borang 3 Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017**; atau
  - (b). pemohon gagal untuk mengesahkan setuju terima terma dan syarat kelulusan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti dinyatakan di perenggan 11.

16. Jika penarikan balik permohonan di bawah perenggan 14 dibuat sebelum penyiaran pemberitahuan di bawah seksyen 8 Akta 486 atau permohonan yang disifatkan sebagai ditarik balik seperitimana perenggan 15:
  - (a). Pentadbir Tanah akan mengenakan **fi berjumlah satu ribu ringgit Malaysia (RM1,000.00)** bagi penarikan balik permohonan bagi pengambilan tanah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017;
  - (b). Pentadbir Tanah seterusnya akan memberitahu Pemohon berkenaan dengan pelucutahan deposit melalui notis dalam **Borang 7 Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017**; dan
  - (c). Pentadbir Tanah boleh melucutahk deposit sebanyak **lima puluh peratus (50%)** atau **sepuluh ribu ringgit Malaysia (RM10,000.00)**, yang mana lebih tinggi, berdasarkan peringkat yang padanya permohonan itu ditarik balik.
17. Walau bagaimanapun PBN, menurut budi bicaranya, boleh mengurangkan pelucutahan amaun tidak kurang daripada **sepuluh peratus (10%)** daripada keseluruhan deposit tersebut atau sepuluh ribu ringgit Malaysia (RM10,000.00), yang mana lebih tinggi.
18. Jika Pemohon menarik balik permohonan selepas penyiaran pemberitahuan di bawah seksyen 4 Akta 486 atau permohonan yang disifatkan sebagai ditarik balik, pampasan bagi kerosakan pada mana-mana tanah yang disebabkan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa di bawah subseksyen 5(1) Akta 486 hendaklah dibayar mengikut seksyen 6 Akta 486.
19. Namun Pemohon perlu mengambil maklum bahawa PBN boleh mengarahkan Pemohon secara bertulis untuk membuat pembayaran tambahan sekiranya amaun pampasan lebih besar daripada amaun pelucutahan deposit.

## SEMASA PENGAMBILAN TANAH

### A. Penandaan Kawasan Pengambilan

20. Pemohon hendaklah memastikan penandaan di kawasan pengambilan tanah dibuat apabila dimaklumkan oleh Pentadbir Tanah dan mengemukakan pengesahan penandaan secara bertulis **dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat diterima**. Ini merupakan keperluan yang perlu dilaksanakan oleh Pemohon seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 9 Akta 486;
21. Pemohon mengadakan lawatan bersama Pentadbir Tanah untuk mengesahkan penandaan tersebut; dan
22. Pemohon juga diingatkan agar memasukkan klausa pelaksanaan kerja-kerja penandaan dalam kontrak lantikan Jurukur Berlesen/Perunding Tanah. Ini bagi memudahkan Pemohon untuk mengarahkan Jurukur Berlesen/Perunding Tanah melaksanakan penandaan dan penyediaan pelan untuk proses Permintaan Ukur.

### B. Siasatan Pengambilan Tanah

23. Apabila Pemohon menerima **Borang E** Jadual Kedua Akta 486 daripada Pentadbir Tanah, Pemohon hendaklah hadir atau menghantar wakil dalam setiap siasatan yang dijalankan dan wakil yang hadir tersebut hendaklah mempunyai pengetahuan mengenai permohonan pengambilan dan teknikal projek yang akan dilaksanakan. Ini bagi memudahkan Pentadbir Tanah untuk membuat keputusan dalam siasatan tersebut;
24. Pemohon atau wakil yang hadir semasa siasatan dan hanya boleh memberikan pandangan atau ulasan berkaitan dengan teknikal projek dan membawa bersama pelan rekabentuk untuk rujukan semasa siasatan; dan
25. Pemohon perlu mengambil maklum bahawa Pentadbir Tanah boleh memutuskan keluasan sebenar yang diperlukan berbeza dengan pelan yang dikemukakan tertakluk kepada tidak melebihi **suku (1/4) hektar atau satu peratus (1%) dari keluasan tanah** yang dijadualkan, yang mana lebih besar.

## C. Pembayaran Pampasan

26. Pemohon hendaklah mengambil maklum bahawa pembayaran pampasan bagi permohonan pengambilan tanah di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta 486 akan diurus sepenuhnya oleh Pejabat Pentadbir Tanah yang berkenaan dengan menggunakan wang deposit satu ratus dua puluh lima peratus (125%) yang telah dikemukakan. Pembayaran dibuat berdasarkan jumlah yang dinyatakan dalam **Borang H Jadual Kedua Akta 486** yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah. Pembayaran pampasan kepada pemilik tanah dan orang berkepentingan boleh di buat samada melalui bayaran pindahan wang secara elektronik (EFT) atau bayaran secara cek.
27. Sekiranya wang deposit satu ratus dua puluh lima peratus (125%) tersebut tidak mencukupi bagi pembayaran award maka Pentadbir Tanah akan mengeluarkan **Borang 2 Jadual Pertama Kaedah-Kaedah P.U.(A)372/2017** kepada Pemohon.
28. Pembayaran pampasan melalui deposit ke Mahkamah juga akan diuruskan Pejabat Pentadbir Tanah setelah menerima Perintah Termeterai Mahkamah.

## D. Penarikan Balik Pengambilan Tanah (di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta 486): Selepas Penyiaran Pemberitahuan di bawah Seksyen 8 Akta 486

29. Sekiranya Pemohon berhasrat untuk menarik balik pengambilan tanah, Pemohon hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis kepada Pentadbir Tanah dengan menyatakan sebab-sebab penarikan balik tersebut, **bayaran fi satu ribu ringgit Malaysia (RM1,000.00)** beserta pelan penarikan balik di bawah seksyen 35 Akta 486. Pelan penarikan balik bagi lot-lot terlibat hendaklah dilorekkan dengan **warna kelabu**.
30. Permohonan penarikan balik hanya boleh dipertimbangkan selagi **Borang K Jadual Kedua Akta 486** belum dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah. Walau bagaimanapun, kelulusan bagi penarikan balik tanah adalah tertakluk kepada pertimbangan PBN.
31. Sekiranya diluluskan penarikan balik tersebut, ia akan disiarkan dalam Warta melalui **Borang LA Jadual Kedua Akta 486**.

32. Apabila Pemohon menerima **Borang LB** Jadual Kedua Akta 486 daripada Pentadbir Tanah, Pemohon dikehendaki hadir atau menghantar wakil dalam setiap siasatan penarikan balik yang dijalankan dan wakil yang hadir hendaklah mempunyai pengetahuan mengenai penarikan balik pengambilan tersebut. Ini bagi memudahkan Pentadbir Tanah membuat keputusan dalam siasatan tersebut.
33. Semua urusan pembayaran pampasan melalui **Borang LC** Jadual Kedua Akta 486 kepada pihak-pihak berkepentingan juga akan diuruskan oleh Pejabat Pentadbir Tanah berkenaan (menggunakan wang deposit satu ratus dua puluh lima peratus (125%) dan dibuat samada melalui bayaran pindahan wang secara elektronik (EFT) atau bayaran secara cek dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh penerimaan **Borang LC** Jadual Kedua Akta 486 oleh pihak berkepentingan.

#### **E. Rujukan ke Mahkamah**

34. Sekiranya Pemohon tidak berpuas hati dengan award pampasan yang diputuskan oleh Pentadbir Tanah, Pemohon boleh mengemukakan **Borang N** Jadual Kedua Akta 486 kepada PTD /JKPTG WPKL dalam tempoh masa seperti berikut:
  - (a) bagi Pemohon yang **hadir siasatan** ialah **dalam tempoh enam (6) minggu** dari tarikh Pentadbir Tanah membuat award; atau
  - (b) bagi Pemohon yang tidak hadir siasatan ialah dalam **tempoh enam (6) minggu** dari tarikh penerimaan notis **Borang H** Jadual Kedua Akta 486 atau **dalam masa enam (6) bulan** dari tarikh Pentadbir Tanah membuat award, mengikut mana yang lebih terdahulu tamat tempohnya.
35. Permohonan bantahan boleh dibuat oleh Pemohon jika amauan pampasan yang diperintahkan oleh Pentadbir Tanah adalah melebihi tiga puluh ribu ringgit Malaysia (RM30,000.00). Setiap permohonan bantahan perlu disertakan bayaran deposit tiga ribu ringgit Malaysia (RM3,000.00) atas nama Pentadbir Tanah kepada PTD/JKPTG WPKL.

36. Pentadbir Tanah akan menahan dua puluh lima peratus (25%) daripada amaun award pampasan pengambilan tanah sekiranya Pemohon mengemukakan permohonan bantahan. Pemohon juga perlu mengambil perhatian bahawa di bawah seksyen 32(1)(b) Akta 486, penahanan dua puluh lima peratus (25%) award pampasan tersebut adalah tertakluk kepada **caj bayaran lewat lima peratus (5%) setahun**.
37. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk membuat apa-apa bayaran setelah menerima Perintah Termeterai yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi.

## F. Mengambil Milik Tanah Secara Rasmi

38. Setelah selesai urusan pembayaran pampasan pengambilan tanah, Pentadbir Tanah akan memberikan salinan **Borang K Jadual Kedua** Akta 486 yang menyatakan bahawa tanah tersebut telahpun diambil milik secara rasmi dan menjadi tanah Kerajaan serta Pemohon boleh memasuki tapak untuk memulakan kerja-kerja pembangunan.
39. Bagi pengambilan bangunan yang dipecah bahagi, Pemohon hendaklah memastikan petak tersebut telah diletakkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun, orang atau Badan yang ditentukan oleh PBN/JKTWP.
40. Bagi pengambilan tanah bawah tanah, Pemohon hendaklah meneruskan dengan permohonan pemberimilikan.

## PASCA PENGAMBILAN

### A. Permohonan Pemberimilikan (jika perlu)

41. Pemohon juga bertanggungjawab untuk membuat permohonan pemberimilikan tanah kepada Pejabat Tanah Daerah(PTD)/Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTG) WP yang berkenaan setelah menerima **Borang K Jadual Kedua** Akta 486.
42. Sebelum meneruskan permohonan pemberimilikan, Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan pengesahan status tanah kepada PTD/PTG WP terlebih dahulu. Setelah pengesahan status tanah diterima, Pemohon perlu mengisi **Borang Jadual 1** untuk permohonan pemberimilikan di bawah seksyen 76 Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828] dengan mengemukakannya kepada PTD/PTG WP.

43. Pemohon hendaklah menyediakan pelan permohonan pemberimilikan seperti diperlukan oleh PTD/PTG WP.
44. Pemohon juga perlu menyediakan peruntukan bagi fi permohonan pemberimilikan dan setelah diluluskan perlu membayar **Notis 5A Akta 828 (Notis Bahawa Hasil Tanah Harus Dibayar)** yang meliputi bayaran hasil tahun pertama, premium tanah, fi ukur dan caj pendaftaran hakmilik.

#### **B. Permintaan Ukur**

45. Bagi pengambilan sebahagian tanah, pelan pra-hitungan bagi Permintaan Ukur (P.U.) hendaklah disediakan oleh Pemohon melalui jurukur berlesen yang dilantik. PTD/JKPTG WPKL seterusnya akan memproses dan mengemukakan P.U. kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM).
46. Perlantikan jurukur berlesen oleh Pemohon turut mengambil kira tanggungjawab bagi penyediaan pelan pra-hitungan untuk kerja-kerja P.U dan perlu dimasukkan dalam kontrak lantikan.

#### **C. Pelarasan di bawah Seksyen 28 Akta 486**

47. Apabila Pelan Akui (P.A.) dikeluarkan oleh JUPEM, Pentadbir Tanah berkenaan akan menyemak keluasan yang diambil dalam **Borang K** Jadual Kedua Akta 486 dengan P.A. tersebut. Sekiranya terdapat perbezaan keluasan, Pentadbir Tanah akan memaklumkan kepada Pemohon.
48. Jika wujud keluasan terlebih ambil, maka Pentadbir Tanah akan mengemukakan tuntutan kepada Pemohon untuk membuat bayaran pampasan tambahan beserta dengan caj bayaran lewat.

### **PENUTUP**

49. SOP ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017 [P.U.(A)372/2017].
50. Carta Alir bagi permohonan pengambilan untuk tujuan pembangunan ekonomi dan selain maksud awam di bawah seksyen 3(1)(b) dan (c) Akta 486 adalah seperti di **Lampiran V**.

## LAMPIRAN I

### JUMLAH SALINAN PELAN PENGAMBILAN TANAH BAGI SETIAP NEGERI

BIL.	NEGERI	JUMLAH SALINAN PELAN SEKSYEN 4 ATAU SEKSYEN 8
1.	PERLIS	40
2.	KEDAH	45
3.	PULAU PINANG	25
4.	PERAK	25
5.	SELANGOR	25
6.	WP KUALA LUMPUR	30
7.	NEGERI SEMBILAN	20
8.	MELAKA	45
9.	PAHANG	50
10.	TERENGGANU	40
11.	KELANTAN	20
12.	JOHOR	15

(Nota: Keperluan saiz pelan perlu dirujuk kepada PTD masing-masing)

## LAMPIRAN II

### PERINCIAN PERUNTUKAN DALAM MENENTUKAN KOS PENGAMBILAN TANAH

Pemohon perlu mengambilkira perkara-perkara berikut dalam penyediaan anggaran kos pengambilan tanah seperti senarai di bawah:

- (a) Kos pelantikan Jurukur Berlesen bagi penyediaan pelan pra-hitungan pengambilan tanah, penandaan atas tanah, penyediaan pelan permohonan ukur dan pelan permohonan pemberimilikan/perizaban;
- (b) Kos untuk membuat carian rasmi di Pejabat Tanah Daerah/PTG;
- (c) Kos percetakan warta kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad;
- (d) Angaran nilai tanah dan bangunan (harga pasaran);
- (e) Anggaran kos akibat kesan mudarat terhadap tanah (*injurious affection*) jika ada;
- (f) Anggaran kos akibat kerosakan pecah pisah (*severance*) jika ada;
- (g) Kos prosiding (kos yang ditanggung beban oleh tuan tanah akibat pengambilan seperti fi penilai dan kos hadir bicara);
- (h) Kos gantirugi akibat daripada penarikan balik pengambilan tanah, jika berkenaan;
- (i) Kos caj bayaran lewat jika dikenakan;
- (j) Pampasan tambahan akibat pelarasan selepas Permintaan Ukur (P.U.); dan,
- (k) Pampasan tambahan jika bantahan dibuat ke Mahkamah.

### LAMPIRAN III

#### **SENARAI BORANG-BORANG PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH PERMOHONAN SEKSYEN 3(1)(b) DAN (c)**

BORANG 1	PERMOHONAN BAGI PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH PERENGGAN 3(1)(b) ATAU (c) AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (BAGI TANAH/TANAH BAWAH TANAH/BANGUNAN ATAU TANAH YANG DIPECAH BAHAGI).
BORANG 2	NOTIS UNTUK MENGHENDAKI DEPOSIT TAMBAHAN
BORANG 3	NOTIS RUNDINGAN
BORANG 4	NOTIS KEPADA JAWATANKUASA KHAS PENGAMBILAN TANAH/PIHKAK BERKUASA NEGERI
BORANG 5	NOTIS KELULUSAN
BORANG 6	NOTIS PENOLAKAN
BORANG 7	NOTIS PELUCUTHAKAN DEPOSIT
BORANG E	PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN: NOTIS SIASATAN
BORANG H	NOTIS AWARD DAN TAWARAN PAMPASAN
BORANG K	NOTIS BAHAWA MILIKAN TANAH / PELETAKHAKAN PETAK TELAH DIAMBIL
BORANG LA	NOTIS PENARIKAN BALIK PENGAMBILAN
BORANG LB	PENARIKAN BALIK PENGAMBILAN: NOTIS SIASATAN
BORANG LC	NOTIS AWARD DAN TAWARAN PAMPASAN
BORANG N	PERMOHONAN SUPAYA BANTAHAN DIRUJUKKAN KEPADA MAHKAMAH

(Nota: Rujukan kepada P.U. (A) 372/2017 dan Akta 486 dan Akta A1517).

## LAMPIRAN III

### JADUAL PERTAMA BORANG 1 (Subkaedah 2(1))

PERMOHONAN BAGI PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH PERENGGAN 3(1)(b)  
ATAU (c)\* AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960  
(BAGI TANAH/TANAH BAWAH TANAH/BANGUNAN ATAU TANAH YANG  
DIPECAH BAHAGI)

#### BAHAGIAN 1: PERMOHONAN

Kepada:

Pentadbir Tanah,

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau  
(c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud..... dalam  
Bandar/Pekan/Mukim..... Daerah..... Negeri

Saya/Kami\* .....  
beralamat di .....  
memberitahu bahawa tanah yang diperihalkan dalam Jadual kepada Borang  
ini, termasuk tanah, jika ada, yang disebut dengan nombor lot atau nombor lot  
tanah yang berhampiran, mungkin diperlukan bagi maksud yang berikut:  
.....  
.....  
.....

#### JADUAL

Negeri .....  
Daerah .....  
Bandar/Pekan/Mukim .....  
Perihalan kawasan .....  
.....  
.....

No. Lot/ No. P.T./ Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/ Anggaran *Keluasan/ Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

## BAHAGIAN 2: BUTIR-BUTIR PEMOHON

**\*(a) Permohonan oleh orang perseorangan**  
 (Butir-butir yang berikut hendaklah dilengkapkan oleh setiap orang)

- (i) Nama: .....  
*(Huruf besar)*
- (ii) Nombor Kad Pengenalan: .....
- (iii) Alamat surat-menyerat: .....  
.....  
.....  
Poskad: .....
- (iv) Pekerjaan: .....
- (v) E-mel: .....
- (vi) Nombor telefon: .....



- \*(b) Permohonan oleh syarikat/perbadanan/badan berkanun\*  
(Butir-butir yang berikut hendaklah dilengkapkan oleh setiap syarikat  
perbadanan/badan berkanun\*)
- (i) Nama syarikat/perbadanan/badan berkanun\*: .....  
.....  
*(Huruf besar)*
- (ii) Nombor Pendaftaran: .....
- (iii) Tarik diperbadankan: .....
- (iv) Tempat pendaftaran: .....
- (v) Alamat berdaftar syarikat/perbadanan/badan berkanun\* (Jika suatu syarikat asing, sila nyatakan alamat perniagaan terkini di Malaysia):  
.....  
.....  
.....
- (vi) Modal berbayar: .....
- (vii) Jenis perniagaan/aktiviti\* yang didaftarkan:  
.....
- (viii) Nama dan kewarganegaraan setiap pengarah/penama\*:  
.....
- (ix) E-mel: .....
- (x) Nombor telefon: .....

### BAHAGIAN 3: DOKUMEN IRINGAN

#### Bagi Tanah:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek


Lampiran B - Pelan Susun Atur dan Pelan Pengambilan Tanah

Lampiran C - Laporan Penilaian Awal

Lampiran D - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan

Lampiran E - Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan

Bagi Tanah Bawah Tanah:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek	
Lampiran B - Pelan Permohonan Tanah Bawah Tanah/Pelan Akui Stratum	
Lampiran C - Pelan Pembangunan/Binaan (Jika berkenaan)	
Lampiran D - Laporan Penilaian Awal	
Lampiran E - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan	
Lampiran F - Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan.	

Bagi Bangunan atau Tanah yang Dipecah Bahagi:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek	
Lampiran B - Pelan Lokasi, Pelan Tingkat dan Pelan Penandaan	
Lampiran C - Salinan Pelan Akui Bangunan/Cadangan Pelan	
Lampiran D - Salinan Kebenaran Merancang/Perintah Pembangunan	
Lampiran E - Pelan Pra-Hitungan	
Lampiran F - Laporan Penilaian Awal	
Lampiran G - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan	
Lampiran H - Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan.	

## BAHAGIAN 4: FI PERMOHONAN

Bersama-sama ini saya/kami\* sertakan sejumlah RM ..... (Ringgit Malaysia: ..... ) dalam bentuk draf bank bernombor ..... bertarikh ..... sebagai fi permohonan sebagaimana yang dikehendaki oleh subkaedah 2(2) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

## BAHAGIAN 5: DEPOSIT

Bersama-sama ini saya/kami\* sertakan sejumlah RM ..... (Ringgit Malaysia: ..... ) (bersamaan dengan lima puluh peratus daripada deposit) dalam bentuk draf bank bernombor ..... bertarikh ..... yang merupakan amaun deposit sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 3(2)(a) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

## BAHAGIAN 6: AKUAN OLEH PEMOHON TENTANG PELUCUTHAKAN DEPOSIT

Saya/Kami\* ..... mengaku dan bersetuju bahawa sekiranya saya/kami\* menarik balik permohonan di bawah subseksyen 3F(1) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017 atau disifatkan menarik balik permohonan sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 9(2) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017, deposit yang dibayar di bawah kaedah 3 hendaklah dilucuthakkan mengikut perenggan 9(3)(c) Kaedah-kaedah Pengambilan Tanah 2017.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Tandatangan*

### **LAMPIRAN III**

#### **BORANG 2**

(Subkaedah 4(2))

#### **NOTIS UNTUK MENGHENDAKI DEPOSIT TAMBAHAN**

Kepada: .....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud..... dalam Bandar/Pekan/Mukim..... Daerah..... Negeri .....

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subkaedah 4(1) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017, tuan dengan ini dikehendaki untuk mengemukakan deposit tambahan berjumlah RM..... (Ringgit Malaysia: ..... ) dalam bentuk draf bank yang merupakan \*amaun pampasan yang diawardkan oleh Pentadbir Tanah/amaun tuntutan oleh orang yang berkepentingan dalam tempoh tiga puluh hari dari penerimaan notis ini.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## LAMPIRAN III

### BORANG 3

#### (Subkaedah 6(3)) NOTIS RUNDINGAN

Kepada: .....

.....

.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud..... dalam Bandar/Pekan/Mukim.....Daerah.....Negeri .....

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3A(3) Akta Pengambilan Tanah 1960, saya mengarahkan tuan supaya berunding dengan tuan punya berdaftar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini dalam tempoh.....hari dari tarikh penyampaian notis ini mengikut terma dan syarat yang berikut:

.....

.....

.....

2. Tuan adalah dengan ini dikehendaki untuk mengemukakan suatu laporan penuh perundingan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 3A(4) Akta Pengambilan Tanah 1960 dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1) notis ini, dan jika tuan tidak berbuat demikian, permohonan tuan adalah disifatkan telah ditarik balik sebagaimana yang dinyatakan dalam subkaedah 9(2) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 2017.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*\*Pengarah  
Unit Perancangan Ekonomi  
Negeri/Pengerusi,  
Jawatankuasa bagi  
Wilayah Persekutuan Kuala  
Lumpur*

## JADUAL

No. Lot/ No. P.T./ Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/ Anggaran *Keluasan/ Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

### LAMPIRAN III

## BORANG 4

(Subkaedah 7(5))

**NOTIS KEPADA JAWATANKUASA KHAS PENGAMBILAN TANAH/ PIHAK  
BERKUASA NEGERI**

Kepada:

Pengerusi,

## Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah/Pihak Berkuasa Negeri

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1) (b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud..... dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri .....

## JADUAL

No. Lot/ No. P.T./ Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/ Anggaran *Keluasan/ Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

Saya ..... pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3A(7) Akta Pengambilan Tanah 1960, merujukkan permohonan yang berikut kepada Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah/Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangannya.

2. Syor saya tentang permohonan itu adalah seperti yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

3. Alasan bagi syor saya adalah seperti yang berikut: (Nyatakan sepenuhnya alasan syor yang dibuat)

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

4. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen yang berikut (mengikut jenis pengambilan sama ada pengambilan \*tanah/tanah bawah tanah/bangunan atau tanah yang dipecah bahagi) untuk penelitian Jawatankuasa Khas Pengambilan Tanah/Pihak Berkuasa Negeri:

Bagi Tanah:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek

.....  
.....  
.....  
.....

Lampiran B - Pelan Susun Atur dan Pelan Pengambilan Tanah

Lampiran C - Laporan Penilaian Awal

Lampiran D - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan

Lampiran E - Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan

Bagi Tanah Bawah Tanah:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek

Lampiran B - Pelan Permohonan Tanah Bawah Tanah/Pelan Akui Stratum

Lampiran C - Pelan Pembangunan/Binaan (Jika berkenaan)

Lampiran D - Laporan Penilaian Awal

Lampiran E - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan

Lampiran F - Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membiayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan.

Bagi Bangunan atau Tanah yang Dipecah Bahagi:

Lampiran A - Kertas Cadangan Projek

Lampiran B - Pelan Lokasi, Pelan Tingkat dan Pelan Penandaan

Lampiran C - Salinan Pelan Akui Bangunan/Cadangan Pelan

Lampiran D - Salinan Kebenaran Merancang/Perintah Pembangunan

Lampiran E - Pelan Pra-Hitungan

Lampiran F - Laporan Penilaian Awal


Lampiran G - Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuan

Lampiran H - Pengesahan: Bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk membayai pampasan kerosakan akibat kerja ukur dan kajian tanah/kos penandaan/kos lain yang berkaitan.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pengarah  
Unit Perancangan Ekonomi Negeri*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

### LAMPIRAN III

#### BORANG 5

(Perenggan 8(2)(b))  
NOTIS KELULUSAN

Kepada:

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau  
(c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud.....  
dalam Bandar/Pekan/Mukim ..... Daerah ..... Negeri  
.....

Menurut subseksyen 3E(3) Akta Pengambilan Tanah 1960, tuan adalah dengan  
ini diberitahu bahawa permohonan di atas telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa  
Negeri mengikut terma dan syarat yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

2. Ambil perhatian bahawa jika tuan bersetuju dengan terma dan syarat itu,  
tuan dikehendaki untuk membayar baki deposit RM .....  
(Ringgit Malaysia: ..... bersamaan dengan  
tujuh puluh lima peratus daripada deposit) dalam bentuk draf bank  
sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 3(2)(b) Kaedah-  
Kaedah Pengambilan Tanah 2017 dalam tempoh tiga puluh hari dari  
penerimaan terma dan syarat kelulusan itu
3. Ambil perhatian bahawa jika tuan tidak memberikan jawapan kepada  
Pentadbir Tanah dalam tempoh tiga puluh hari dari penerimaan notis  
ini untuk mengesahkan penerimaan tuan ke atas terma dan syarat  
itu, permohonan tuan adalah disifatkan telah ditarik balik menurut  
subseksyen 3E(4) Akta Pengambilan Tanah 1960.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

\*Saya/Kami, yang bertandatangan di bawah dengan ini mengaku menerima notis di atas yang bertarikh ..... 20 .....

2. \*Saya/Kami \*menerima/tidak menerima terma dan syarat yang dikenakan.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....  
*Tandatangan  
(atau bentuk penyempurnaan yang lain)  
Oleh atau bagi pihak pemohon*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

## LAMPIRAN III

### BORANG 6

(Perenggan 8(3)(b))  
NOTIS PENOLAKAN

Kepada:

.....  
.....  
.....

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud..... dalam Bandar/Pekan/Mukim..... Daerah Negeri .....

Menurut subseksyen 3E(5) Akta Pengambilan Tanah 1960, tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa permohonan di atas telah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

.....

*Pentadbir Tanah*

---

\* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

### LAMPIRAN III

## BORANG 7

(Perenggan 9(3)(b))  
NOTIS PELUCUTHAKAN DEPOSIT

Kepada:

Permohonan bagi pengambilan tanah di bawah perenggan \*3(1)(b) atau (c) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi maksud..... dalam Bandar/Pekan/Mukim..... Daerah..... Negeri.....

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3F(2) Akta Pengambilan Tanah 1960, tuan adalah dengan ini diberitahu bahawa sejumlah RM ..... (Ringgit Malaysia: .....) yang merupakan deposit yang dibayar kepada Pentadbir Tanah menurut perenggan 3(3)(d) Akta Pengambilan Tanah 1960, dilucuthakkan.

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

Pentadbir Tanah

\*Saya/Kami yang bertandatangan di bawah, .....  
dengan ini mengaku menerima notis di atas yang bertarikh .....  
20 .....

Bertarikh ..... hari bulan ..... 20 .....

*Tandatangan  
(atau bentuk penyempurnaan yang lain)  
Oleh atau bagi pihak pemohon*



### LAMPIRAN III

#### BORANG E

*Akta Pengambilan Tanah 1960*

[Seksyen 10]

#### PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN: NOTIS SIASATAN

Mengikut perisytiharan pengambilan yang dicadangkan bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, maka dengan ini notis diberikan bahawa suatu siasatan untuk mendengar semua tuntutan pampasan mengenai semua kepentingan mengenai tanah itu akan diadakan pada ..... haribulan ..... pada ..... jam ..... di .....

2. Semua orang yang mempunyai kepentingan mengenai tanah tersebut, sama ada sebagai tuan punya, penduduk, penerima pajak, pemegang gadaian, penyewa atau selainnya, adalah dengan ini dikehendaki untuk hadir di hadapan yang bertandatangan di bawah ini pada masa yang tersebut di atas sama ada sendiri atau melalui ejen dan di sana untuk menyatakan—

- (a) jenis kepentingan mengenai tanah mereka masing-masing;
- (b) amaun dan butir-butir tuntutan pampasan mereka bagi kepentingan itu;
- (c) bantahan mereka, jika ada, terhadap ukuran anggaran keluasan yang diberi dalam Jadual di bawah;
- (d) nama orang lain yang diketahui mempunyai apa-apa kepentingan mengenai tanah itu atau mana-mana bahagiannya oleh orang yang mempunyai kepentingan atau ejennya, dan perlu mengemukakan semua dokumen yang berhubungan dengan tuntutan mereka.

3. Notis selanjutnya diberikan bahawa pihak yang bertandatangan di bawah boleh menghendaki—

- (a) supaya dalam mana-mana hal tertentu apa-apa pernyataan atau pernyataan-pernyataan itu hendaklah ditulis dan ditandatangani oleh orang yang mempunyai kepentingan atau ejennya;

- (b) supaya mana-mana orang yang memiliki dokumen hakmilik keluaran mengenai mana-mana tanah yang dijadualkan di bawah menyerahkan dokumen itu pada masa siasatan.

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

[Jadual dalam Borang D]

### LAMPIRAN III

#### BORANG H

*Akta Pengambilan Tanah 1960  
[Seksyen 16]*

#### NOTIS AWARD DAN TAWARAN PAMPASAN

Pendengaran Pengambilan No. .... Pemberitahu Warta No.

.....

Kepada.....

.....  
.....

Tuan dengan ini diberitahu bahawa semasa pendengaran di hadapan yang bertandatangan di bawah pada ..... haribulan ..... suatu award seperti dalam Jadual di bawah telah dibuat berkenaan dengan tanah yang dinyatakan dalamnya yang tuan mempunyai kepentingan.

2. Mengikut award ini, saya dengan ini menawarkan tuan sejumlah RM ..... iaitu amaun yang dinyatakan di bawah sebagai pampasan penuh bagi kepentingan tuan mengenai tanah ini.
3. Ambil perhatian bahawa seksyen 29A Akta Pengambilan Tanah 1960 menghendaki saya untuk menahan dua puluh lima peratus amaun award itu dalam keadaan tertentu, tertakluk kepada peruntukan seksyen itu.

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20.....

.....

*Pentadbir Tanah*

## JADUAL

Cabutan yang berkaitan daripada Borang G termasuk semua award, jika ada, kepada orang lain/orang-orang lain yang berkepentingan mengenai tanah itu.

Saya, yang bertandatangan di bawah, .....  
dengan ini mengakui menerima notis di atas.

2. \**(a)* Saya menerima tawaran itu; dan

- \*(i) saya bersedia untuk hadir ke Pejabat Tanah pada bila-bila masa yang ditetapkan untuk menerima bayaran secara \*wang tunai/cek/ kiriman wang;
- \*(ii) saya meminta supaya amaun yang kena dibayar itu dihantar kepada saya melalui cek/kiriman wang di alamat di atas; atau
- (iii) saya meminta supaya amaun yang kena dibayar itu dipindahkan secara elektronik ke dalam akaun saya.

\**(b)* Saya menerima tawaran itu dengan bantahan; atau

\**(c)* Saya tidak menerima tawaran di atas .

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20.....

.....

## LAMPIRAN III

### BORANG K

*Akta Pengambilan Tanah 1960  
[Seksyen 22]*

NOTIS BAHAWA MILIKAN TANAH / PELETAKHAKAN PETAK TELAH DIAMBIL

Prosiding Pengambilan No. ..... Pemberitahuan Warta No.  
.....

Dengan ini diberitahu bahawa saya pada hari ini, menurut seksyen 22 Akta Pengambilan Tanah 1960 —

- \*(i) secara rasminya mengambil milikan tanah; yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah setakat yang diisyiharkan;
- \*(ii) meletakhakkan petak kepada ..... seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah setakat yang diisyiharkan; atau
- \*(iii) secara rasminya mengambil milikan tanah bawah tanah, di bawah kedalaman yang dinyatakan dalam ruangan terakhir Jadual itu.

\*Satu salinan Perakuan Segera yang dikeluarkan oleh Pengarah Negeri dilampirkan.

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20 .....

.....  
*Pentadbir Tanah*

*[Jadual seperti dalam Borang D sebagaimana yang dipinda]*

### LAMPIRAN III

#### BORANG LA

*Akta Pengambilan Tanah 1960*  
[Seksyen 35]

#### NOTIS PENARIKAN BALIK PENGAMBILAN

Dengan ini dimaklumkan bahawa tanah-tanah yang dinyatakan dalam Jadual di bawah akan ditarik balik bagi maksud yang berikut:

.....  
.....

2. Suatu pelan bagi tanah berkenaan yang dinyatakan untuk ditarik balik boleh diperiksa pada waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah-tanah tersebut.

#### JADUAL

No. Lot/ No. PT./ Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/ Anggaran *Keluasan/ Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20.....

.....  
*Pengarah Negeri*

## LAMPIRAN III

### BORANG LB

*Akta Pengambilan Tanah 1960*  
[Seksyen 35]

#### PENARIKAN BALIK PENGAMBILAN: NOTIS SIASATAN

Mengikut perisytiharan penarikan balik pengambilan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah, dengan ini notis diberikan bahawa suatu siasatan untuk mendengar semua tuntutan pampasan akibat kerosakan yang telah berlaku pada tanah itu, jika ada, dan kos yang perlu ditanggung oleh mereka berkaitan kepentingan mengenai tanah berkenaan akan diadakan pada ..... haribulan ..... di ..... pada jam .....

2. Semua orang yang mempunyai kepentingan mengenai tanah tersebut, sama ada sebagai tuan punya, penduduk, penerima pajak, pemegang gadaian, penyewa atau selainnya, adalah dengan ini dikehendaki untuk hadir di hadapan yang bertandatangan di bawah ini pada masa yang tersebut di atas sama ada sendiri atau melalui ejen dan di sana menyatakan:

- (a) jenis kepentingan mengenai tanah mereka masing-masing;
- (b) amaun dan butir-butir tuntutan pampasan mereka bagi kepentingan itu;
- (c) bantahan mereka, jika ada, terhadap ukuran anggaran keluasan yang diberi dalam Jadual di bawah; dan
- (d) nama orang lain yang diketahui mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah itu atau mana-mana bahagiannya oleh orang yang mempunyai kepentingan atau ejennya, dan perlu mengemukakan semua dokumen yang berhubungan dengan tuntutan mereka.

3. Notis selanjutnya diberikan bahawa pihak yang bertandatangan di bawah boleh menghendaki—

- (a) supaya dalam mana-mana hal tertentu apa-apa pernyataan atau pernyataan-pernyataan itu ditulis dan ditandatangani oleh orang yang mempunyai kepentingan atau ejennya; dan

- (b) supaya mana-mana orang yang memiliki dokumen hakmilik keluaran mengenai mana-mana tanah dijadualkan di bawah menyerahkan dokumen tersebut pada masa siasatan.

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

[Jadual sepertimana dalam Borang LA]

### LAMPIRAN III

#### BORANG LC

*Akta Pengambilan Tanah 1960  
[Seksyen 35]*

#### NOTIS AWARD DAN TAWARAN PAMPASAN

Pendengaran Pengambilan No. .... Pemberitahu Warta No.

.....

Kepada.....

.....  
.....  
.....

Tuan dengan ini diberitahu bahawa semasa pendengaran di hadapan yang bertandatangan dibawah pada ..... haribulan ..... suatu award seperti dalam Jadual di bawah telah dibuat berkenaan dengan tanah yang dinyatakan dalamnya yang tuan mempunyai kepentingan.

2. Mengikut award ini saya dengan ini menawarkan tuan sejumlah RM..... iaitu amaun yang dinyatakan di bawah sebagai pampasan penuh akibat kerosakan yang telah berlaku pada tanah itu, sekiranya ada, dan kos yang perlu ditanggung oleh tuan.

3. Ambil perhatian bahawa seksyen 29A Akta Pengambilan Tanah 1960 menghendaki saya untuk menahan dua puluh lima peratus award itu dalam keadaan-keadaan yang tertentu, tertakluk kepada peruntukan seksyen itu.

Bertarikh pada ..... haribulan ....., 20.....

.....  
*Pentadbir Tanah*

**Jadual**

No. Lot/ No. P.T./ Petak	Hakmilik atau Pendudukan	Tuan punya Berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot/ Petak	*Anggaran Keluasan yang hendak Diambil/ Anggaran *Keluasan/ Isipadu dan Had Tanah Bawah Tanah yang hendak Diambil

Saya, yang bertandatangan di bawah, ..... , dengan ini mengakui menerima notis di atas ini.

2.     \*(a) Saya menerima tawaran itu; dan

\*(i)   saya bersedia untuk hadir ke Pejabat Tanah pada bila-bila masa yang ditetapkan untuk menerima bayaran secara \*wang tunai/cek/kiriman wang;

\*(ii)   saya meminta supaya amaun yang dibayar itu dihantar kepada saya melalui cek/ kiriman wang di alamat di atas; atau

\*(iii)   saya meminta supaya amaun yang kena dibayar itu dipindahkan secara elektronik ke dalam akaun saya;

\*(b) Saya menerima tawaran itu dengan bantahan; atau

\*(c) Saya tidak menerima tawaran di atas.

Bertarikh ..... haribulan....., 20.....

.....

### LAMPIRAN III

#### BORANG N

*Akta Pengambilan Tanah 1960  
[Seksyen 38]*

#### PERMOHONAN SUPAYA BANTAHAN DIRUJUKKAN KEPADA MAHKAMAH

Kepada:

Pentadbir Tanah Daerah .....

PROSIDING PENGAMBILAN NO. .....

Saya/Kami .....  
yang beralamat di.....

dengan ini membuat suatu bantahan terhadap award Pentadbir Tanah  
..... bertarikh.....berkenaan dengan  
tanah Lot..... Hakmilik.....

2. Kepentingan saya/kami mengenai tanah tersebut ialah seperti yang berikut:

.....  
.....

\*3. Bantahan saya/kami adalah terhadap:

- (a) ukuran tanah itu;
- (b) amaun pampasan itu;
- (c) orang-orang yang kepadanya pampasan kena dibayar;
- (d) pembahagian pampasan itu.

\*\*4. Alasan-alasan bantahan saya/kami ialah seperti yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

5. Mengikut subseksyen 38(1) Akta Pengambilan Tanah 1960, saya [/kami] dengan ini menghendaki tuan supaya merujuk perkara itu kepada Mahkamah untuk diputuskan.

Bertarikh ..... haribulan....., 20.....

.....  
*Tandatangan Pemohon*

**LAMPIRAN IV****JADUAL KEDUA**

FI


(Subkaedah 2(2), Perenggan 9(3)(a) dan Subkaedah 10(2))


Bil.	Butir-butir	Fi tambahan bagi setiap orang	Fi
1.	Tiap-tiap permohonan bagi pengambilan tanah selain bagi maksud kemudahan awam yang terdiri daripada tidak lebih daripada 10 orang yang berkepentingan seperti dalam tanah terjadual.		RM10,000.00
	(a) Bagi tambahan orang yang seterusnya sehingga 15.	RM1,000.00	
	(b) Bagi tambahan orang yang seterusnya sehingga 20.	RM2,000.00	
	(c) Bagi tambahan orang yang seterusnya.	RM3,000.00	
2.	Tiap-tiap permohonan bagi pengambilan tanah bagi maksud kemudahan awam yang terdiri daripada tidak lebih daripada 10 orang yang berkepentingan seperti dalam tanah terjadual.		RM1,000.00
	Bagi tambahan orang yang seterusnya.	RM100.00	

3.	Penarikan balik permohonan pengambilan tanah.	Tidak berkaitan	RM1,000.00
4.	Permohonan bagi pendudukan ataupenggunaan sementara tanah.	Tidak berkaitan	RM1,000.00

(Nota : Rujukan kepada P.U. (A) 372/2017)

**CARTA ALIRAN PROSES PENGAMBILAN TANAH  
UNTUK PROJEK PERSEKUTUAN  
DI BAWAH SEKSYEN 3(1)(b) DAN (c) AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**







**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**  
Bahagian Pengambilan Tanah  
Aras 3, Wisma Sumber Asli  
No. 25 Persiaran Perdana, Persint 4  
62574 Putrajaya